TEKS SEMBAH UCAPAN ALU-ALUAN

YANG BERHORMAT DATO' SRI ARTHUR JOSEPH KURUP
MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

SEMPENA

SAMBUTAN HARI KONSERVASI EKOSISTEM HUTAN PAYA LAUT ANTARABANGSA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2026

24 OGOS 2026 (ISNIN)

Terima kasih saudara/saudari pengacara majlis

Mengadap,

Duli Yang Teramat Mulia Tengku Sarafudin Badlishah Ibni Sultan Sallehuddin, Raja Muda Kedah Darul Aman**.**

Ampun Tuanku, patik dengan penuh takzim memohon perkenan untuk menyampaikan ucapan alu-aluan sempena majlis yang penuh bermakna ini.

Seterusnya,

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Haji Muhammad Sanusi bin Md Nor, Menteri Besar Kedah**.**

Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman.

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Norizan bin Khazali, Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah**.**

Yang Berbahagia Dato' Mohd Radhi Chu bin Abdullah, Ketua Pengarah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.

Dif-Dif Kehormat

Seterusnya hadirin yang dihormati sekalian.

Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI dan Salam Kedah Sejahtera Nikmat Untuk Semua.

Dengan penuh kesyukuran dipanjatkan di atas limpah rahmat-Nya, kita dapat berhimpun dalam majlis yang amat bermakna ini.

Ampun Tuanku,

Patik dengan penuh takzim memohon perkenan untuk membacakan teks ucapan YB Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam bagi pihak beliau yang tidak dapat hadir pada majlis yang penuh bersejarah ini.

Bagi pihak Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) serta seluruh jawatankuasa penganjur, patik menjunjung kasih yang tidak terhingga atas limpah perkenan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku mencemar duli berangkat ke Majlis Perasmian Sambutan Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa Peringkat Kebangsaan Tahun 2026. Keberangkatan Tuanku mencerminkan keprihatinan yang amat tinggi terhadap agenda kelestarian hutan paya laut dan pesisiran pantai negara terutamanya di negeri Kedah.

Kementerian juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman atas kesudian menjadi tuan rumah bagi sambutan peringkat kebangsaan pada tahun ini.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

KEPENTINGAN PEMELIHARAAN HUTAN PAYA LAUT DAN PESISIRAN PANTAI SECARA LESTARI

Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa yang disambut pada 26 Julai setiap tahun merupakan manifestasi komitmen masyarakat global dalam meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan ekosistem ini. **Sambutan tersebut telah diisytiharkan semasa Sesi Ke-38 Persidangan Agung *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO) pada 6 November 2015 di Paris.** Pengisytiharan ini merupakan pengiktirafan terhadap peranan penting hutan paya laut dalam mengekalkan keseimbangan ekologi, memperkukuh daya tahan iklim dan menyokong pembangunan mampan.

Hutan paya laut atau lebih dikenali sebagai hutan bakau bukan sahaja berfungsi untuk melindungi biodiversiti, menstabilkan iklim dan mengurangkan hakisan pantai, malah ia juga merupakan khazanah alam yang sangat dinamik bertindak sebagai benteng semula jadi terhadap ancaman hakisan, angin kencang, ombak besar termasuk bencana alam seperti tsunami.

Hutan ini sangat signifikan kepada ekosistem sekitarnya termasuk dalam kehidupan seharian kita di mana ia berperanan sebagai habitat penting kepada hidupan marin yang menjadi lubuk pembiakan ikan, udang, dan ketam malahan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi melalui aktiviti seperti perikanan lestari, eko-pelancongan dan penggunaan sumber semula jadi secara seimbang. Hutan ini juga bertindak sebagai sinki karbon yang amat efisien dan mampu menyerap gas rumah hijau sehingga sepuluh kali ganda lebih tinggi berbanding hutan daratan. Justeru itu, simbiosis kebergantungan antara ekosistem hutan dan kehidupan harian kita

merupakan jaringan yang sangat penting yang seharusnya terus dipelihara dan dipulihara secara lestari.

HUTAN PAYA LAUT KE ARAH KELESTARIAN EKONOMI BIRU

Bersempena dengan sambutan pada tahun ini, Malaysia mengangkat tema **Ekosistem Hutan Paya Laut Ke Arah Kelestarian Ekonomi Biru.** Tema ini mencerminkan komitmen negara untuk menjadikan pemeliharaan alam sekitar sebagai pemangkin pertumbuhan Ekonomi Biru. Ekonomi Biru bukan sekadar memberi penekanan kepada pemanfaatan sumber marin dan pesisiran pantai secara lestari, malah mengiktiraf bahawa ekosistem yang sihat merupakan asas kepada pertumbuhan ekonomi, kesejahteraan komuniti dan daya tahan negara dalam menghadapi cabaran perubahan iklim. Dalam konteks ini, hutan paya laut merupakan antara aset semula jadi paling bernilai yang menyokong pembangunan Ekonomi Biru negara.

Pemilihan tema tahun ini diselaraskan secara strategik dengan aspirasi **Ekonomi MADANI, Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMKe-13), Dasar Perhutanan Malaysia serta Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan (DKBK) 2022–2030.** Kesemua dasar ini mengarusperdanakan pendekatan *Nature-based Solutions* (NbS) bagi memperkukuh daya tahan terhadap perubahan iklim, memelihara biodiversiti dan memastikan pembangunan ekonomi yang inklusif serta mampan. Menerusi jalinan dasar ini, khususnya di bawah agenda **Pemerkasaan Ekonomi Biru (RMKe-13),** Kerajaan akan terus memperkukuh pemuliharaan dan pengurusan lestari ekosistem hutan paya laut sebagai aset strategik negara.

Malaysia bertuah memiliki antara ekosistem hutan paya laut yang terpenting di Asia Tenggara. Ekosistem ini melindungi kawasan pesisiran pantai daripada hakisan, ombak besar dan cuaca ekstrem, di samping menjadi habitat penting kepada biodiversiti serta kawasan pembiakan pelbagai spesies marin yang menyokong kelestarian sumber perikanan. Selain itu, hutan paya laut turut menyokong pembangunan ekopelancongan, perusahaan dan aktiviti ekonomi komuniti setempat, sekali gus memperkukuh pembangunan Ekonomi Biru yang mampan.

Menyedari kepentingan tersebut, Kerajaan terus memperkukuh usaha konservasi ekosistem hutan paya laut melalui pelbagai inisiatif yang dilaksanakan secara bersepadu oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

PENCAPAIAN DAN INISIATIF

Sejak tahun 2005, Program Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-spesies yang Sesuai di Pesisiran Pantai Negara telah menjadi antara inisiatif utama negara dalam memulihkan kawasan hutan paya laut serta kawasan pesisiran pantai yang terjejas akibat hakisan dan bencana alam. **Sehingga tahun 2025, seluas 3,965 hektar kawasan telah berjaya dipulihkan melalui penanaman lebih 9.3 juta pokok bakau dan spesies yang sesuai, melibatkan peruntukan keseluruhan sebanyak RM71.3 juta** yang disalurkan bermula daripada Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9) pada tahun 2006 hingga Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) pada tahun 2025. Bagi meneruskan agenda ini, **sejumlah RM2 juta** telah **diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 (RMKe-13)** khusus

bagi melaksanakan usaha pemeliharaan dan pemuliharaan hutan paya laut serta kawasan pesisiran pantai bagi tahun 2026 melibatkan semua negeri di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Dalam tempoh 20 tahun pelaksanaannya, usaha ini telah membuahkan hasil yang nyata menerusi peningkatan benteng perlindungan semula jadi daripada hakisan pantai dan bencana laut, pemulihan habitat hidupan marin serta pembukaan peluang ekonomi baharu seperti ekopelancongan dan akuakultur mampan bagi komuniti setempat. **Di negeri Kedah, sebanyak RM2.9 juta telah diperuntukkan untuk melaksanakan usaha ini dalam tempoh 20 tahun** dengan pencapaian keseluruhan **lebih kurang seluas 339 hektar kawasan dengan 1.7 juta pokok telah ditanam** melibatkan kawasan hutan paya laut dan pesisiran di negeri Kedah.

Dalam tempoh yang sama, **sebanyak 120 kajian penyelidikan telah dilaksanakan** bagi memperkukuh asas saintifik pengurusan ekosistem ini. Kajian-kajian tersebut meliputi aspek pembangunan komuniti setempat bagi memperkasa ekonomi masyarakat yang bergantung kepada ekosistem hutan paya laut, kestabilan tanah lumpur dan kesesuaian spesies untuk penanaman semula serta penilaian sosioekonomi dan pemuliharaan sumber hutan pesisiran pantai. Dapatan penyelidikan ini menjadi rujukan teknikal yang penting dalam menyokong perancangan, pelaksanaan dan penambahbaikan program pemuliharaan secara lebih berkesan.

Pencapaian usaha ini juga merupakan hasil kerjasama dan penglibatan pelbagai pihak berkepentingan dengan hutan paya laut dan pesisiran pantai samada secara langsung atau tidak langsung. Sehingga kini, sebanyak **12 Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan komuniti** setempat telah terlibat secara langsung dengan program yang dilaksanakan melalui aktiviti

kempen kesedaran. Penglibatan secara aktif daripada NGO serta komuniti setempat dapat menyokong usaha pihak Kerajaan untuk meningkatkan pemahaman masyarakat terhadap peranan hutan bakau sebagai aset semula jadi yang perlu dilindungi.

Kerajaan akan terus memperkukuh pelaksanaan Program Restorasi Landskap Hutan (FLR) dengan **sasaran memulihkan tambahan 200 hektar** kawasan hutan paya laut dan pesisiran pantai menjelang tahun 2030 dengan sasaran pada **tahun 2026 adalah seluas 15 hektar** kawasan dapat dipulihkan. Pelaksanaan program ini akan diperkasakan melalui penyelidikan, inovasi, pembangunan kapasiti, penglibatan komuniti setempat serta kerjasama strategik dengan pelbagai pihak berkepentingan bagi memastikan pengurusan ekosistem hutan paya laut terus dilaksanakan berteraskan sains, teknologi dan tadbir urus yang baik. Pelbagai aktiviti dirangka melibatkan usaha penanaman, pemulihan, kesedaran awam, pembangunan inovasi dan penyelidikan serta aktiviti pengembangan yang lebih dekat kepada rakyat.

Penerapan budaya sayangkan hutan paya laut dan pesisir pantai dalam kalangan komuniti/penduduk setempat dengan memanfaatkan sumber sedia ada sebagai punca pendapatan dan peningkatan taraf hidup merupakan antara usaha yang akan terus dilaksanakan. Pembangunan sektor eko-pelancongan berasaskan komuniti seperti aktiviti menyusuri sungai, mencerap burung migrasi dan menyertai program penanaman anak pokok bakau kini menjadi trend pelancongan hijau global dan akan terus diperkasa seiring dengan aspirasi Ekonomi MADANI dalam kerangka dasar induk Malaysia MADANI.

Malaysia akan terus memainkan peranan penting dalam memperkukuh kerjasama serantau dan global bagi memajukan agenda konservasi

ekosistem hutan paya laut. Melalui kolaborasi dengan negara-negara ASEAN serta rakan pembangunan antarabangsa, Malaysia juga komited untuk memperluas perkongsian pengetahuan, penyelidikan dan pemindahan teknologi. Pendekatan ini bukan sahaja menyokong pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs), Perjanjian Paris dan Kerangka Biodiversiti Global Kunming - Montreal, malah memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai negara yang komited dalam memajukan agenda Ekonomi Biru di rantau ini.

Hadirin dan hadirat,

PENUTUP

Besarlah harapan saya agar usaha dan komitmen ini terus diperkasa ke arah restorasi landskap hutan yang mampan menerusi pendekatan berinovasi tanpa menjejaskan ekosistem sedia ada. Pendekatan NbS secara bersepadu perlu diperluas secara inklusif dengan melibatkan kerjasama erat antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, institusi penyelidikan, sektor swasta, pertubuhan masyarakat dan komuniti setempat. Dalam hal ini, penglibatan pihak swasta sebagai rakan strategik amat penting. Menerusi pelaksanaan inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) serta amalan prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG), sektor berkenaan mampu melengkapi peranan Kerajaan bagi memastikan pengurusan ekosistem hutan paya laut dapat dilaksanakan secara lebih berkesan.

Sempena Sambutan Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa Peringkat Kebangsaan Tahun 2026 ini, marilah kita bersama-sama memperkukuh iltizam untuk memelihara khazanah berharga ini. Dengan komitmen yang berterusan, kerjasama yang kukuh serta

pengurusan berteraskan sains, inovasi dan tadbir urus yang baik, saya yakin Malaysia akan menjadi sebuah negara yang berjaya mengimbangi pemuliharaan alam sekitar dengan pembangunan ekonomi yang mampan. Semoga khazanah hutan paya laut yang tidak ternilai ini terus terpelihara sebagai warisan negara demi kesejahteraan generasi masa kini dan akan datang.

Ampun Tuanku, patik mewakili YB Menteri dengan penuh takzim menyampaikan sembah ucapan ini kepada Tuanku. Sekian sahaja sembah ucapan patik pada hari ini. Patik dan seluruh Jabatan serta agensi menjunjung kasih atas keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku ke majlis ini. Patik memohon keampunan Tuanku jua seandainya terdapat sebarang keterlanjuran kata dan kesilapan tutur bicara dalam menyampaikan sembah ucapan ini.

Patik berdoa ke hadrat Allah SWT agar melimpahkan keselamatan, kesejahteraan dan perlindungan kepada Tuanku serta seluruh keluarga di dunia dan di akhirat.

Ampun Tuanku, mohon limpah perkenan.

Patik menjunjung kasih Tuanku.

DATO' SRI ARTHUR JOSEPH KURUP
MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

24 OGOS 2026